



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENUTUP PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI JKKP MALAYSIA

1. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada hari ini telah menganjurkan **Majlis Penutup Program Kampung Angkat MADANI JKKP Malaysia** di Masjid Jamek Al-Husna, Parit Keroma, Muar, Johor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP Malaysia.
2. Program Kampung Angkat MADANI merupakan satu inisiatif strategik kerajaan di bawah aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan dan ihsan.
3. Pemilihan Kampung Parit Keroma sebagai Kampung Angkat JKKP bukan sekadar satu simbolik, tetapi satu komitmen serius pihak Jabatan untuk mendekati rakyat dan memastikan limpahan kemajuan negara dapat dirasakan di peringkat akar umbi.
4. Kerajaan MADANI sentiasa prihatin terhadap pembangunan komuniti luar bandar demi memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan. JKKP Malaysia telah menyahut seruan ini melalui pelaksanaan Program Kampung Angkat Madani dengan **peruntukan penuh berjumlah RM1,000,000.00 (Satu Juta Ringgit)**.

5. Berdasarkan prestasi pelaksanaan, pihak Jabatan telah mencapai kemajuan 100% dengan perbelanjaan penuh bagi kesemua projek yang dirancang. Ini membuktikan komitmen tinggi JKKP dan semua pihak terlibat dalam memastikan setiap sen peruntukan kerajaan dikembalikan semula kepada rakyat dalam bentuk fasiliti yang bermanfaat.
6. Projek Kampung Angkat Madani JKKP telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif utama yang merangkumi aspek keselamatan, kesihatan dan infrastruktur. Sebanyak **63 aktiviti** pembangunan di bawah 6 skop utama telah berjaya disiapkan sepenuhnya. Projek-projek ini dirancang khusus untuk meningkatkan kualiti hidup, keselamatan dan keselesaan penduduk.
7. Fokus utama projek ini adalah **Pembangunan Kerohanian**. Sebahagian besar peruntukan telah dimanfaatkan untuk **menaik taraf masjid dan surau** melalui 34 aktiviti berasingan. Ini bagi memastikan syiar Islam dan aktiviti kemasyarakatan dapat dijalankan dengan lebih selesa.
8. **Bagi pendidikan anak bangsa** pula, sebahagian peruntukan telah diagihkan bagi **menaik taraf sekolah**, melibatkan 11 aktiviti bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan selamat.
9. Peruntukan juga telah disalurkan bagi tujuan **Fasiliti Komuniti & Riadah** untuk menaik taraf **Balai Raya Parit Keroma**. Fasiliti ini penting sebagai pusat penyatuan komuniti dan gaya hidup sihat.

10. Bagi **infrastruktur asas dan pendidikan**, kerja-kerja pembekalan peralatan juga dilaksanakan, merangkumi penggantian perabot kantin yang lebih tahan lasak berupa meja dan bangku keluli tahan karat (*stainless steel*) serta peralatan multimedia termasuk komputer riba dan papan pintar (*smartboard*) khusus untuk kegunaan SK Parit Keroma dan Sekolah Agama Parit Keroma.
11. Bagi **inisiatif tenaga hijau**, pemasangan sistem lampu solar di kawasan parkir terbuka masjid bukan sahaja menjamin keselamatan jemaah dan pengunjung, malah menjadi bukti komitmen Jabatan dalam menyokong kelestarian tenaga yang mesra alam.
12. Pihak Jabatan juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan strategik korporat dan institusi pengajian tinggi yang turut menyumbang bakti. Ini termasuklah pihak **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** yang telah memasang 5 unit lampu jalan tambahan di Jalan Parit Keroma Darat, **Jabatan Senibina dan Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM)** yang telah menyumbang kepakaran teknikal serta nasihat profesional dalam kerja-kerja menaik taraf bumbung masjid, serta pihak **CIMB** yang telah menaja sebuah alat *AED (Automated External Defibrillator)* untuk kegunaan Masjid Jamek Al-Husna.

###

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

17 Januari 2026